WAK KUARI SDN BHD lwn. HARAPAN RAMAI SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
TEO SAY ENG H
[GUAMAN NO: 22NCVC-73-04-2014]
30 SEPTEMBER 2015

KONTRAK: *Perjanjian – Perjanjian kuari – Sama ada terdapat kemungkiran terma-terma – Tuntutan bagi kerja-kerja yang telah disiapkan – Sama ada dibuat dalam tempoh perjanjian sah – Sama ada tuntutan harus dibenarkan*

TORT: *Liabiliti – Kecuaian – Kerja-kerja kuari – Letupan batu di tempat kerja – Sama ada terdapat kegagalan menjalankan letupan terkawal dan selamat – Sama ada pembedil bertauliah hadir pada masa kerja letupan dilakukan – Ketidakpatuhan regulasi dan arahan-arahan – Sama ada terdapat kemungkiran klausa perjanjian – Sama ada plaintif bertanggungan*

TORT: *Ganti rugi – Ganti rugi am dan khas – Tuntutan balas – Sama ada tuntutan balas terhadap ganti rugi dan pampasan harus dibenarkan*

Satu perjanjian kuari bertarikh 1 April 2010 telah dimeterai antara defendan dan plaintif ('perjanjian kuari') untuk melantik plaintif menjalankan kerja-kerja di Lunchu Quarry, Masai, Johor. Perjanjian kuari tersebut tamat pada 31 Mac 2013 dan melalui surat defendan bertarikh 13 Jun 2013, kerja-kerja plaintif di kuari tersebut telah, secara tersirat, dilanjutkan sehingga 1 September 2013. Plaintif menuntut daripada defendan jumlah hutang sebanyak RM1,219,610.08. Defendan, walau bagaimanapun, menafikan bahawa ia berhutang dengan plaintif jumlah tersebut. Defendan juga mendakwa bahawa semasa plaintif menjalankan kerjanya pada 19 Julai 2013, satu kemalangan letupan batu telah berlaku yang mengakibatkan kematian seorang pekerja kilang berdekatan dan kemusnahan harta benda. Menurut defendan, kehilangan nyawa, kerosakan dan kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaian plaintif. Akibatnya, defendan menghentikan operasi dan menutup Lunchu Quarry dan menanggung kerosakan dan kerugian. Defendan juga menuntut balas sejumlah ganti rugi daripada plaintif. Isu-isu yang timbul adalah (i) sama ada defendan atau plaintif telah memungkiri terma-terma perjanjian kuari; (ii) sama ada defendan masih berhutang dengan plaintif sebanyak RM1,219,610.08; (iii) sama ada plaintif cuai dalam melakukan kerja-kerja letupan hingga mengakibatkan kemalangan letupan batu; (iv) sama ada tuntutan balas defendan terhadap pampasan dan ganti rugi patut dibenarkan.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif sebanyak RM1,219,610.08; membenarkan tuntutan balas defendan terhadap liabiliti (kecuaian)):

(1) Tuntutan plaintif adalah bagi kerja-kerja yang disiapkan dalam bulan April 2013 sehingga 19 Julai 2013 yang diakui oleh defendan melalui pengarahnya, SD3. Tuntutan plaintif dibuat dalam tempoh perjanjian

yang sah iaitu dari 1 April 2010 sehingga 19 Julai 2013. Oleh itu, alasan defendan enggan membayar hutang tersebut kerana berlaku kemalangan letupan pada 19 Julai 2013 langsung tidak bermerit. Tuntutan plaintif untuk jumlah RM1,219,610.08 dibenarkan. (perenggan 28)

(2) Akibat kejadian letupan batu di Lunchu Quarry, plaintif didapati memungkiri klausa-klausa perjanjian tersebut kerana (i) gagal menjalankan letupan yang dikawal secara berhati-hati dan selamat; (ii) gagal memastikan pembedil bertauliah yang mempunyai sijil peletup sah bagi menjalankan operasi peletupan hadir pada masa kerja-kerja letupan dijalankan; (iii) gagal memastikan keselamatan semua orang yang berada di tapak; dan (iv) tidak patuh pada regulasi, undang-undang kecil dan arahan-arahan. Kecuaian plaintif tersebut menyebabkan plaintif bertanggungan dari segi kecuaian tort dan juga kemungkiran kontrak. (perenggan 40 & 41)

(3) SD2 telah mengira kehilangan keuntungan operasi kuari akibat kejadian letupan berdasarkan dua laporan kewangan D9A dan D9B. Dua laporan kewangan tersebut dengan sendirinya tidak mencukupi untuk membuktikan kehilangan keuntungan yang dituntut. Tuntutan defendan bagi kehilangan keuntungan berdasarkan hasil jualan anggaran tidak boleh diterima dan hendaklah ditolak. Tambahan lagi, keterangan lisan oleh SD3 bukan bukti yang mencukupi kerana gagal mengemukakan buku akaun atau dokumen-dokumen sokongan di mana kedua-dua laporan kewangan bergantung. Oleh itu, defendan gagal membuktikan kehilangan keuntungan pendapatan. Mahkamah juga berpendapat bahawa tuntutan defendan untuk perintah plaintif menanggung rugi defendan sekiranya mana-mana tuntutan dibuat oleh pihak ketiga dalam kemalangan yang berlaku pada 19 Julai 2013 adalah pra matang dan tidak dibenarkan. (perenggan 54 & 58)

(4) Berkenaan ganti rugi khas yang dituntut oleh defendan, apa yang patut dikemukakan oleh defendan sebagai bukti pembayaran kos pelantikan perunding kuari KF Lee Mining Consultant & Surveyor ('KF Lee') adalah resit asal yang dikeluarkan oleh KF Lee atau saksi dari syarikat itu tampil memberi keterangan bahawa pembayaran itu sebenarnya telah dilunaskan oleh defendan. Tuntutan pembayaran bulanan kepada penyelia kuari Mados Sdn Bhd juga ditolak kerana keenam-enam ekshibit yang dikemukakan iaitu D18-D23 bukan resit yang dikeluarkan oleh Mados Sdn Bhd tetapi adalah baucer bayaran yang dikeluarkan oleh defendan sendiri. Oleh itu ganti rugi khas yang dituntut oleh defendan ditolak. (perenggan 64 & 67)

(5) Defendan tidak boleh membuktikan tuntutan pembayaran gaji pekerja dengan bergantung pada 10 penyata pembayaran gaji pekerja semata-mata. Penyata pembayaran gaji pekerja yang dikemukakan bukan satu dokumen bebas kerana ia dikeluarkan oleh syarikat defendan sendiri.

Dokumen-dokumen tersebut hendaklah sekurang-kurangnya disokong oleh dokumen-dokumen bebas seperti penyata bank atau slip gaji yang membuktikan bayaran gaji dibuat oleh defendan. (perenggan 69)

Kes-kes yang dirujuk:

Medicon Plastic Industries Sdn Bhd v. Syarikat Cosa Sdn Bhd & Another Case [1995] 3 CLJ 171 CA ***(dirujuk)***

Popular Industries Ltd v. The Eastern Garment Manufacturing Co Sdn Bhd [1990] 1 CLJ 133; [1990] 2 CLJ (Rep) 635 HC ***(dirujuk)***

Sony Electronics (M) Sdn Bhd v. Direct Interest Sdn Bhd [2007] 1 CLJ 611 CA ***(dirujuk)***

Sunrise Bhd & Anor v. L & M Agencies Sdn Bhd [1999] 7 CLJ 340 HC ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif - Lim Man Yong; T/n Sing, Lim & Low

Bagi pihak defendan - Sharifah Leila Zuraidah Syed Nordin; T/n Abdul Raman Saad & Assocs

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Teo Say Eng H:

Kes Plaintif

[1] Plaintif telah memasuki satu perjanjian kuari bersama-sama pihak defendan yang bertarikh pada 1 April 2010. Di dalam perjanjian tersebut pihak defendan telah melantik pihak plaintif untuk menjalankan kerja-kerja "drilling, blasting, hauling rock material to crushing plants for complete rock crushing and screening to the tertiary level inclusive of over burden removal and haulage of quarry products from crushing plant to stockpile and premix or bitumen plant" di Lunchu Quarry, Masai, Johor.

[2] Adalah telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak plaintif dan defendan di dalam perjanjian tersebut bahawa perjanjian ini hanya berkuat kuasa untuk masa dua tahun dengan opsyen membaharui selama satu tahun tertakluk kepada terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak bermula dari 1 April 2010 atau sehingga pembatalan oleh syarikat (defendan) tertakluk kepada terma dan syarat dinyatakan kemudian.

[3] Di dalam perjanjian tersebut juga ada menyatakan bahawa pihak kontraktor (plaintif) akan dibayar bergantung kepada jualan ton dari hasil kuari (kecuali untuk bahan bazir kuari) dengan kadar RM7.20 metric ton tidak termasuk angkutan dan pemuatan atas bahan sempurna dan cara pengiraan adalah berdasarkan 95% jualan ton dengan 5% bitumen. Manakala bahan bazir kuari adalah dibayar bergantung kepada jualan dengan kadar RM1 setiap metric ton.

[4] Berdasarkan perjanjian tersebut juga pihak plaintif mengemukakan tuntutan kepada defendan dalam masa 21 hari selepas tamat akhir bulan. Tuntutan adalah berdasarkan kepada jualan ton dan perlu disahkan oleh pihak defendan terlebih dahulu.

[5] Kemudian pihak defendan akan membayar tuntutan dalam masa 60 hari dari tarikh menerima tuntutan daripada pihak plaintif.

[6] Perjanjian kuari tersebut telah pun tamat pada 31 Mac 2013 dan melalui surat defendan bertarikh 13 Jun 2013, kerja-kerja plaintif di kuari tersebut telah secara tersirat dilanjutkan sehingga 1 September 2013.

[7] Defendan telah gagal mematuhi perjanjian tersebut di mana pihak defendan gagal membayar tuntutan daripada pihak plaintif seperti yang dijanjikan iaitu sebanyak RM1,219,610.08.

[8] Maka pihak plaintif telah mengalami kerugian dan sehingga kini baki hutang terakrur adalah sebanyak RM1,219,610.08.

Kes Defendan

[9] Defendan tidak berhutang kepada plaintif jumlah RM1,219,610.08 atau sebahagian darinya atau apa-apa jumlah sekali pun.

[10] Perjanjian kuari tersebut sepatutnya dibaca secara keseluruhannya dengan merujuk kepada kl. 2.3.3, 2.3.4, 2.3.8, 8, 8.1, 8.1.4, 8.1.5, 8.5, 9.5 dan 9.7 untuk kesan dan akibatnya.

[11] Plaintif juga telah pada 19 Julai 2013, lebih kurang jam 12.50 tengah hari, semasa plaintif sedang menjalankan kerja letupan batu di Lunchu Kuari, Masai, suatu kemalangan letupan batu telah berlaku yang mengakibatkan kehilangan nyawa seorang pekerja kilang berdekatan dan kemusnahan harta benda.

[12] Kehilangan nyawa, kerosakan dan kerugian tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian dan/atau pecahan tugas ("breach of duty") oleh plaintif, pekerjanya dan/atau ejennya.

[13] Defendan telah menamatkan perjanjian kuari tersebut melalui surat peguamcara defendan terdahulu iaitu Tetuan Lau Kok Guan Liana & Associates bertarikh 29 Julai 2013.

[14] Plaintif juga telah memungkiri terma-terma dan syarat-syarat perjanjian kuari tersebut.

[15] Seterusnya atau secara alternatif, defendan juga memohon suatu tolakan dari jumlah tuntutan balas defendan yang mana ia adalah melebihi dari tuntutan plaintif.

[16] Akibat dari kegagalan/kecuaian plaintif di atas, defendan telah menghentikan operasi dan menutup Lunchu Kuari, Masai seperti yang telah diarahkan oleh pihak berkuasa.

[17] Defendan mananggung kerosakan dan kerugian, ganti rugi khas dan am dan menuntut balas sepertimana di perenggan 16(a) hingga (k) penyataan pembelaan dan tuntutan balas yang difailkan di sini.

Fakta-Fakta Yang Dipersetujui

[18] Plaintif adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat perniagaan No. 55A, Jalan Bunga Teratai 1, Taman Plentong Utama, 81750 Masai, Johor.

[19] Defendan adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan alamat perniagaan di No. 19, Jalan Mutiara Emas 5/25, Taman Mount Austin, 81100 Johor Bahru, Johor.

[20] Satu perjanjian kuari (Contract For Quarrying) bertarikh 1 April 2010 telah dibuat antara defendan dan plaintif (kemudian ini dirujukkan sebagai ("perjanjian kuari") untuk melantik plaintif menjalankan kerja-kerja "drilling, blasting, hauling rock material to crushing plants for complete rock crushing and screening to the tertiary level inclusive of over burden removal and haulage of quarry products from crushing plant to stockpile and premix or bitumen plant" di Lunchu Quarry, Masai, Johor.

[21] Perjanjian kuari tersebut telah tamat pada 31 Mac 2013. Walau bagaimanapun melalui surat defendan bertarikh 13 Jun 2013, kerja-kerja plaintif telah secara tersirat dilanjutkan sehingga 1 September 2013.

[22] Plaintif melalui surat peguamcaranya Tetuan Sing, Lim & Low yang bertarikh 16 Disember 2013 telah menuntut daripada defendan melalui peguamcaranya terdahulu, Tetuan Lau Kok Guan Liana & Associates jumlah terhutang sebanyak RM1,219,610.08.

Isu-Isu Yang Perlu Dibicarakan

[23] Sama ada defendan atau plaintif telah memungkiri terma-terma perjanjian kuari bertarikh 1 April 2010.

[24] Sama ada perjanjian kuari tersebut telah tamat pada 31 Mac 2013 ataupun dilanjutkan sehingga 1 September 2013.

[25] Sama ada defendan masih berhutang kepada plaintif sebanyak RM1,219,610.08.

[26] Sama ada plaintif, pekerjanya dan/atau ejennya cuai dalam melakukan kerja-kerja letupan mengakibatkan kemalangan letupan batu di Lunchu Kuari, Masai pada 19 Julai 2013.

[27] Sama ada plaintif perlu membayar defendan jumlah tuntutan ganti rugi sepertimana perenggan 16(a) hingga (k) tuntutan balas bertarikh 22 Mei 2014.

Isu Paras 23 Hingga 25

Keputusan Mahkamah

[28] Setelah meneliti keterangan yang telah dikemukakan dan dokumen-dokumen yang diekshibitkan saya dapati bahawa fakta-fakta yang berikut telah dibuktikan:

(i) tuntutan plaintif adalah berdasarkan satu perjanjian kuari bertarikh 1 April 2010 yang ditandatangani di antara plaintif dan defendan;

(ii) kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa perjanjian itu telah tamat pada 31 Mac 2013 melalui surat defendan bertarikh 13 Jun 2013 dan kerja-kerja plaintif telah secara tersirat dilanjutkan sehingga 1 September 2013. Perlanjutan perjanjian itu telah dijelaskan oleh SD3, pengarah defendan yang memberitahu mahkamah melalui Q&A 3 (SDW3) bahawa tempoh perjanjian kuari bermula dari 1 April 2010 shingga 31 Mac 2013 dan kemudian dilanjutkan ke 1 September 2013;

(iii) tuntutan plaintif berdasarkan account summary bagi bulan April 2013 sehingga 19 Julai 2013 (tarikh letupan) berjumlah RM1,219,610.08 yang diekshibitkan dan ditanda sebagai P4 telah diterima dan diakui oleh SD3, pengarah defendan; dan

(iv) SD3 beritahu mahkamah bahawa pihak defendan enggan membayar hutang tersebut oleh kerana, ejen/pekerja plaintif telah menyebabkan kemalangan letupan batu pada jam 12.50 tengah hari pada 19 Julai 2013 di Lunchu Kuari tersebut dan defendan telah mengalami kerosakan dan akan menanggung tuntutan-tuntutan ganti rugi pihak-pihak ketiga;

Berdasarkan keterangan-keterangan secara lisan atau dokumentari yang dikemukakan, saya mendapati bahawa pihak plaintif telah membuktikan tuntutan hutang defendan berjumlah RM1,219,610.08 dengan imbangan kebarangkalian atas alasan-alasan yang berikut:

(a) alasan defendan enggan membayar hutang tersebut kerana berlaku kemalangan letupan pada 19 Julai 2013 langsung tidak bermerit kerana:

(1) Tuntutan plaintif adalah bagi kerja-kerja yang telah disiapkan bagi bulan April 2013 sehingga 19 Julai 2013 yang telah diakui oleh defendan melalui pengarahnya SD3.

(b) tuntutan plaintif telah dibuat dalam tempoh perjanjian yang sah iaitu dari 1 April 2010 sehingga 19 Julai 2013.

(c) defendan telah membuat tuntutan balas terhadap plaintif atas kecuaian plaintif yang melakukan kerja-kerja letupan tersebut.

Atas alasan-alasan yang tersebut di atas, saya membenarkan tuntutan plaintif bagi prayer 11(a) dan (b) dalam penyataan tuntutan plaintif.

Isu Paras 26 Dan 27

Liabiliti (Paras 26)

[29] Sama ada plaintif, pekerjanya, dan/atau ejennya telah kemungkinan memungkiri klausa-klausa antara lain, kl. 2.3.3, 2.3.4, 2.3.8, 9.5 dan 9.7 dalam perjanjian kuari dan/atau cuai dalam melakukan kerja-kerja letupan mengakibatkan kemalangan letupan batu di Lunchu Kuari, Masai, Johor.

Hujahan Plaintif

[30] Pihak plaintif berhujah bahawa pihak plaintif tidak memungkiri klausa-klausa perjanjian kuari dan tidak cuai dalam melakukan kerja-kerja letupan mengakibatkan letupan batu di Lunchu Kuari, Masai atas, antara lain alasan-alasan yang berikut:

(i) Dalam isu kemalangan letupan di Lunchu Kuari, menurut laporan siasatan ke atas kejadian kemalangan letupan batu di Kuari Harapan Ramai Sdn Bhd pada 19 Julai 2013 disediakan Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia Negeri Johor bertarikh 24 Julai 2013 iaitu ditandakan sebagai D8 dalam pengetahuan SD1, SD1 menyatakan dalam pemeriksaan balas bahawa salah satu sebab batu terbang dari Lunchu Kuari pada kemalangan pada 19 Julai 2013 adalah sebab ada kewujudan back break dan rekahan struktur batu semula jadi kekal yang tidak seragam (irregular joint). Plaintif berhujah bahawa adalah "letupan batu" dan letupan untuk kawasan batu ada kewujudan back break dan rekahan struktur batu semula jadi kekal yang tidak seragam (irregular joint) akan menyebabkan berlaku kemalangan bukan disebabkan kecuaian pekerja plaintif;

(ii) SP1 dalam keterangannya menyatakan kawasan untuk letupan adalah ditentukan oleh defendan di mana defendan ada kawalan dan pengetahuan kerja-kerja letupan di Lunchu Kuari dan SP2 memberi keterangan semua bahan letupan dibeli oleh defendan kemudian ditolak dari fees kontraktor plaintif di mana tidak dicabar oleh defendan semasa disoal balas. Tambahan pula semua bahan material letupan "blasting materials" yang dibekalkan dan diguna adalah perlu direkod dan diperiksa oleh defendan menurut kl. 2.3.3 perjanjian kuari. Dalam kemalangan berlaku pada 19 Julai 2013 sekiranya bahan letupan yang digunakan adalah berlebihan ia adalah di bawah pemeriksaan defendan sebelum letupan dijalankan. Dengan ini plaintif berhujah jika pekerja cuai dalam letupan di kemalangan tersebut pada 19 Julai 2013 adalah disumbangkan oleh defendan untuk menjalankan obligasi menurut kl. 2.3.3 perjanjian kuari;

(iii) Berkenaan SP1 bekerja sebagai kontraktor di Lunchu Kuari, SP1 telah menyatakan dalam pemeriksaan semula bahawa plaintif bekerja sebagai kontraktor hanya tiga tahun di Lunchu Kuari tetapi sebelum itu defendan guna syarikat lain menjalankan kerja kuari di Lunchu Kuari lebih sepuluh tahun dan defendan ada pengetahuan cara-cara meletup dan kerja-kerja kuari dan defendan tidak pernah minta buat blaster design untuk dikemukakan kepada defendan. Sekiranya Mahkamah Yang Mulia merujuk kepada perjanjian kuari terutama kl. 2 perjanjian kuari di mana tiada peruntukan terma-terma bahawa "blaster design"

adalah perlu disediakan oleh plaintif. Dengan ini plaintif berhujah bahawa keterangan SP1 bahawa kawasan letupan dalam Kuari Lunchu adalah ditentukan oleh defendan dan defendan adalah bertanggungjawab menyediakan "blaster design" untuk kawasan letupan dan "blaster design" bukan tanggungjawab plaintif dan plaintif tidak memungkiri terma-terma perjanjian kuari; dan

(iv) Berdasarkan kepada keterangan SP1 tersebut di atas dan SD1 bahawa kemalangan tersebut adalah bukan akibat kecuaian plaintif atau pekerja/ejen plaintif sebaliknya plaintif menegaskan punca alam sekitar kedudukan batu dan kecuaian defendan seperti berikut yang menyumbang kepada kemalangan tersebut:

(a) Plaintif hanya menjalankan kerja-kerja kontaktor menurut perjanjian kuari dan letupan di setiap kawasan Kuari lunchu adalah ditentukan oleh defendan dan defendan mempunyai pengetahuan tentang situasi terpaksa menghentikan kerja-kerja di kuari sehingga mendapat kebenaran defendan atau pihak berkuasa berkaitan.

Hujahan Defendan

[31] Adalah dihujahkan bahawa tidak dinafikan telah berlaku satu kejadian letupan batu di Lunchu Kuari, Masai pada 19 Julai 2013 pada atau lebih kurang jam 12.50 tengah hari.

[32] Kejadian letupan batu di Lunchu Kuari, Masai tersebut adalah diakibatkan oleh kecuaian pekerja plaintif bernama Encik Wong Chee Kiong, iaitu pembedil bagi syarikat plaintif semasa melakukan kerja-kerja peletupan pada lebih kurang pukul 12 tengah hari pada 19 Julai 2013 tersebut.

[33] Fakta berkenaan kejadian letupan batu di Lunchu Kuari, Masai adalah disebabkan oleh kecuaian pembedil Encik Wong Chee Kiong, iaitu pekerja dan/atau ejen yang telah dilantik oleh plaintif semasa melakukan kerja-kerja letupan dan kegagalan pekerja/ejen/plaintif mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia, iaitu suatu jabatan yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan penguatkuasaan ke atas kuari-kuari di Malaysia.

[34] Kecuaian pembedil Encik Wong Chee Kiong dan juga plaintif semasa melakukan kerja-kerja letupan tersebut telah disahkan melalui repot yang disediakan oleh Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia, Negeri Johor bertarikh 24 Julai 2013 (di ms. 62-82 Ikatan A2: ditandakan sebagai eks. D8) dan juga melalui keterangan Timbalan Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia, Negeri Johor, Encik Nurul Huda bin Romli, SD1.

[35] SD1 telah menerangkan bahawa punca kejadian batu terbang tersebut adalah disebabkan oleh:

(i) beban yang tidak mencukupi – jarak daripada muka kuari ke lubang letupan;

(ii) caj lubang letupan yang berlebihan – menghasilkan tenaga yang berlebihan;

(iii) sumbatan atau 'stemming' yang tidak mencukupi – biasanya kedalaman stemming ialah sama dengan beban;

(iv) geologi dan struktur batuan – kewujudan rekahan struktur batuan seperti kekar yang tidak seragam dan rongga; dan

(v) reka bentuk.

[36] Ringkasan rumusan siasatan yang terkandung dalam laporan tersebut adalah seperti berikut:

(i) kerja-kerja peletupan yang dijalankan telah menggunakan bahan letupan yang berlebihan (overcharge);

(ii) terdapat kewujudan 'back break' dan rekahan struktur batuan semulajadi yang tidak seragam (irregular joint) yang menyumbangkan kepada kejadian batu terbang;

(iii) kemungkinan berlakunya beban yang nipis di antara lubang letupan di barisan pertama dengan muka kuari;

(iv) terdapat pelepasan tenaga letupan yang sangat kuat bagi peletupan yang dibuat pada hari kejadian dengan faktor yang lebih tinggi;

(v) pembedil yang kurang pengetahuan dan pengalaman kerana kerja letupan ini sebenarnya boleh dikawal oleh seorang pembedil walau bagaimanapun:

(a) Pembedil di sini tidak menggunakan sepenuhnya reka bentuk (blast design) yang disediakan semasa mengecaj lubang-lubang letupan, salinan lubang-lubang letupan perlu ditandakan supaya berapa banyak bahan letupan diisi dengan penyeliaan pembedil. Salinan reka bentuk peletupan (blast design) daripada pembedil tidak disediakan.

(b) Arah lontaran batuan bagi peletupan yang dijalankan pada hari kejadian mengarah terus ke kawasan perindustrian.

[37] Keterangan SD1 di soalan 14 penyata saksi (WSD1) turut menerangkan bahawa:

S: Menurut kepakaran dan pengalan Jabatan, apakah standard piawaian yang perlu dilakukan oleh seorang pembedil ketika melakukan kerja-kerja letupan?

J: Seseorang pembedil yang kompeten mempunyai Sijil Pembedil yang dikeluarkan oleh Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia iaitu pembedil mestilah lulus dua peperiksaan iaitu Peperiksaan Pembedil (Teori) dan Peperiksaan Pembedil (Praktikal).

Standard piawaian yang perlu dilakukan oleh seorang pembedil kompeten ialah pembedil perlu menyediakan rekabentuk peletupan (blast design) yang mengandungi berbagai maklumat yang diperlukan seperti bilangan lubang letupan, kedalamannya, diameternya lencongannya, beban, ruang, subgrade, sumbatan, biangan baris, ketinggian bahan letupan, isipadu bahan batuan, berat batuan isipadu bahan letupan, berat bahan letupan, blast ratio dan powder factor.

Pembedil mesti mempunyai peralatan pembedil yang mencukupi seperti pita, pemberat, lampu picit, kotak peledak, kotak bahan letupan, kayu pemampat, siren, bendera, crimper, pita penyalut elektrik, pisau, log gerudi, sudip, dawai sambungan, pemotong dawai, penebat plastik dan exploder.

Pembedil juga mesti membuat pemantauan had gegaran dan bunyi bising, membuat tinjauan selepas kerja peletupan dan merekodkan maklumat-maklumat tersebut serta menyimpan rekod-rekod tersebut.

[38] Keterangan SD1 di soalan 15 penyata saksi (WSD1) turut menerangkan bahawa:

S: Di dalam kes kejadian kes batu terbang yang berlaku pada 19.7.2013 di Kuari Harapan Ramai Sdn Bhd terebut, melalui siasatan Jabatan adakah standard piawaan letupan tersebut dilakukan oleh pembedil Wak Kuari Sdn Bhd, Encik Wong Chee Keong?

J: Tidak. Encik Wong Chee Keong bukanlah seorang pembedil yang kompeten. Beliau tidak memiliki Sijil Pembedil yang dikeluarkan oleh Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia. Rekabentuk peletupan (blast design) bagi kerja-kerja peletupan yang dijalankan sebelum ini tidak disimpan, tidak direkodkan atau difailkan oleh beliau. Tiada pemantauan terhadap gegaran dan bunyi bising dijalankan oleh beliau.

[39] Malah keterangan saksi plaintif, Encik Wong Ah Kam, SP1 apabila disoal balas turut mengesahkan bahawa plaintif tidak mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan melakukan kesalahan.

[40] Adalah dihujahkan bahawa plaintif adalah terikat dengan perjanjian kuari tersebut (di ms. 1-20, Ikatan A1: ditandakan sebagai P1). Akibat daripada kejadian letupan batu di Lunchu Kuari, Masai pada 19 Julai 2013 tersebut yang disebabkan oleh kecuaian pekerja plaintif, plaintif telah didapati telah memungkiri terutamanya klausa-klausa berikut:

Klausa 2.3.4 (di ms. 5 Ikatan A1: eks. P1)

> Meletakkan bahan letupan di dalam lubang yang tertentu dan tempat dan menjalankan letupan yang dikawal secara berhati-hati dan selamat supaya tidak membahayakan apa-apa bangunan samada yang dimiliki oleh syarikat atau jiran-jiran syarikat atau orang ramai dan peralatan, kilang penghancuran dan lain-lain. Sebarang kerugian atau kecederaan diakibatkan oleh kesalahan itu adalah merupakan risiko dan menjadi tanggungjawab kontraktor.

Klausa 2.3.8 (di ms. 5, Ikatan A1: eks. P1)

> Memastikan perlantikan dan kehadiran di tapak pada setiap masa material ketika kerja-kerja letupan sedang dijalankan (dari permulaan sehingga tamat) oleh pembedil bertauliah yang mempunyai sijil peletup yang sah dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi menjalankan operasi peletupan ("short firer").

Klausa 9.5 (di ms. 11, Ikatan A1: eks. P1)

> Peraturan Keselamatan
>
> Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor pada setiap masa material kontrak ini untuk memastikan keselamatan kesemua orang berada di tapak dan juga berada di kawasan berdekatan termasuk juga kesemua peralatan dan jentera dan tiada tuntutan atau pampasan apa sekali pun boleh dibuat terhadap Syarikat terutamanya apa-apa tuntutan, caj kos atau perbelanjaan berkaitan. Syarikat tidak dibenarkan pekerja untuk bekerja dalam keadaan yang mana tidak kepatuhan dengan peruntukan keselamatan yang berkuatkuasa di Malaysia atau yang mana pekerja syarikat menganggapnya bahaya.

Klausa 9.7 (di ms 11, Ikatan A1: eks. P1).

> Ketidakpatuhan Dilakukan
>
> Sekiranya kontraktor atau sub-kontaktor, pekerja dan/atau ejen didapati melakukan sebarang ketidakpatuhan sebagaimana ketidakpatuhan kepada regulasi, undang-undang kecil, arahan sebagainya atau tidak menghasilkan bahan tidak mengikut saiz ditetapkan atau menggunakan bahan letupan lebih rendah mutu dan menghasilkan kemahiran kerja rendah mutu atau kekacauan di Kuari menyebabkan kesusahan kepada pekerja syarikat atau orang awam yang boleh menyebabkan kedudukan syarikat terjejas, kontraktor bertanggungjawab atas kesemua perbelanjaan, jika ada, dalam membetulkan, dan menyiapkan segala kerja bermutu rendah dan kerja-kerja tertangguh sehingga memuaskan syarikat dalam masa yang ditentukan.

[41] Oleh yang demikian, kecuaian pekerja dan/atau ejen plaintif tersebut semasa melakukan kerja letupan di Lunchu Kuari, pada 19 Julai 2013 tersebut menyebabkan pihak plaintif adalah liable dari segi kecuaian tort dan juga kemungkiran kontrak.

Keputusan Mahkamah

[42] Setelah meneliti keterangan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak, saya dapati bahawa pihak defendan telah membuktikan bahawa pihak plaintif telah memungkiri kl. 2.3.4, 2.3.8, 9.5 dan 9.7 dan cuai semasa menjalankan kerja-kerja letupan batu di Lunchu Kuari, Masai.

[43] Kesemua pembelaan yang diberi oleh plaintif tidak bermerit kerana langsung tidak disokong oleh apa-apa keterangan pakar. Manakala dakwaan defendan telah dibuktikan oleh keterangan pakar iaitu SD1 dengen disokong oleh laporan Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia Eksh. D8.

[44] Keterangan SD1 serta laporan Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia D8 dengan jelasnya menunjukkan kecuaian pekerja dan/atau ejen plaintif tersebut semasa melakukan kerja letupan batu di Lunchu Kuari, Masai pada 19 Julai 2013 langsung tidak dicabar atau disangkal oleh pihak plaintif.

Ganti rugi Para 27

Sama ada Plaintif Perlu Membayar Defendan Jumlah Tuntutan Ganti rugi Sepertimana Dalam Perenggan 16(a)-(k) Dalam Tuntutan Balas Defendan

[45] Ganti rugi Am:

(a) Kehilangan keuntungan perniagaan/pendapatan dari 19 Julai 2013 dan berterusan sehingga kini; dan

(b) Tuntutan-tuntutan pampasan dan ganti rugi yang akan dibuat oleh pihak ketiga akan ditaksirkan.

[46] Ganti rugi Khas:

(a) RM20,000 merupakan perlantikan perunding kuari, KF Lee Mining Consultant & Surveyor;

(b) RM120,000 merupakan perlantikan perunding letupan, Orica-CCM Energy System Sdn Bhd;

(c) RM1,000,000 merupakan bayaran bulanan kepada Mados Sdn Bhd sebanyak RM100,000 sebulan dari 19 Julai 2013 dan masih berterusan sehingga kini; dan

(d) RM470,000 merupakan gaji pekerja-pekerja yang perlu dibayar iaitu sebanyak RM47,000 sebulan dari 19 Julai 2013 dan berterusan sehingga kini.

Ganti rugi Am

(a) Kehilangan keuntungan perniagaan/pendapatan dari 19 Julai 2013 dan berterusan.

Hujahan Defendan

[47] Defendan telah memberi keterangan lengkap berkenaan pengiraan kehilangan keuntungan yang dituntut oleh defendan tersebut dengan mengemukakan penyata-penyata/laporan-laporan kewangan tahunan bagi Harapan Ramai Sdn Bhd bagi tahun berakhir 31 Mac 2013 dan 31 Mac 2014 (Ikatan A4: Tab A ditandakan sebagai D9A dan Ikatan A4: Tab B ditandakan sebagai D9B) dan disokong oleh keterangan lengkap serta pengiraan yang dilakukan oleh auditor syarikat, Encik Lew Choon Kiong, SD2 di penyata saksi (WSD2).

[48] Keterangan SD2, di soalan 6 penyata saksi (WSD2) menerangkan bahawa:

> Q: How so you calculate the loss of profit from quarry operation of Harapan Ramai Sdn Bhd, resulted from the blasting accident?
>
> As per Question 5 above, the "loss of sales revenue" of the quarry operation for the financial year ended 31 March 2014, due to the suspension of quarry operation, is estimated to be RM17,649,518.00 as compared with the sales revenue of the previous financial year ended 31 March 2013.
>
> As per the Financial Summary listed below, the average gross profit margin for the quarry operation is estimated to be around 22.7% as referred to the financial year ended 31 March 2013.
>
> As such, the "loss of profit" resulted from the lower sales revenue in financial year ended 31 March 2014 is estimated to be RM4,006,441.00 (RM17,649,518.00 x 22.7%).

Oleh yang demikian, defendan menuntut bagi kerugian keuntungan yang dikira bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 sebanyak RM4,006,441.

Hujahan Plaintif

[49] Plaintif berhujah defendan gagal membuktikan jumlah tuntutan kehilangan keuntungan perniagaan/pendapatan dari 19 Julai 2013 dan berterusan sehingga kini:

(a) Keterangan SD3 tidak menyatakan jumlah tuntutan sebenar dituntut oleh defendan untuk kehilangan keuntungan dari perniagaan/ pendapatan dari 19 Julai 2013 dan berterusan sehingga hari ini.

(b) Keterangan SD2 menyatakan kehilangan keuntungan akibat jualan rendah untuk kewangan tahunan berakhir 31 Mac 2014 adalah dijangkakan sebanyak RM4,006,441 (RM17,649,518 x 22.7%); dan

(c) Keterangan SD2 dan SD3 mengakui jualan batu di kuari adalah bergantung kepada ekonomi Johor Bahru dan permintaan pasaran; dan

(d) Tiada keterangan kehilangan keuntungan untuk masa lepas 31 Mac 2014 dikemukakan oleh SD2 dan SD3 atau defendan.

[50] Plaintif berhujah bahawa defendan tidak boleh hanya plid kehilangan jangkaan pendapatan sebagai ganti rugi am (di perenggan 15(d)(i) tuntutan balas di ms. 18 Ikatan IP) dan diletakkan untuk hujahan tanpa keterangan yang tepat dari saksi defendan untuk jumlah tuntutan defendan, jika tiada jumlah tuntutan dinyatakan dalam tuntutan balas atau dari saksi defendan tanpa sebarang jualan batu kuari sebenar, bagaimanakah mahkamah tahu apakah award kepada defendan jika ada berhak kepada tuntutan kehilangan pendapatan. Ini adalah sama fakta dalam kes *Sunrise Bhd & Anor v. L & M Agencies Sdn Bhd* [1999] 7 CLJ 340; [1999] 3 MLJ 544 (ms. 41 Ikatan Authoriti plaintif), dalam kes tersebut, plaintif "plead and dalam tuntutannya" untuk ganti rugi dibangkit dari "pure economic loss". Mahkamah memutuskan:

> Firstly, it is trite law that a Defendant must know the case he has to face, by merely pleading "general damages to be assessed in respect of loss and damages suffered by the first Plaintiff company does not entitle the first Plaintiff to launch a claim for pure economic loss, by way of its submission.

[51] Keterangan SD2 dan SD3 jangkaan hasil jualan adalah hanya bergantung kepada audited account di D9A (Tab A Ikatan A4) dan D9B (Tab A Ikatan A4). Sebenarnya defendan gagal mengemukakan keterangan berkenaan jualan batu kuari sebenar yang diminta oleh pembeli-pembeli defendan dan perbelanjaan lain di mana adalah diakui oleh defendan semasa dalam pemeriksaan balas SD2 dan SD3.

[52] SD2 hanya mengemukakan auditor report di D9A (Tab A Ikatan A4) dan D9B (Tab A Ikatan A4). SD2 gagal mengemukakan sumber-sumber dokumen untuk kiraan jualan batu kuari dan perbelanjaan kuari. Yang Amat Arif Edgar Joseph Jr J dalam kes *Popular Industries Ltd v. The Eastern Garment Manufacturing Co Sdn Bhd* [1990] 1 CLJ 133; [1990] 2 CLJ (Rep) 635; [1989] 3 MLJ 360 (ms. 73 Ikatan Authoriti plaintif) memutuskan di mana plaintif dalam kes tersebut gagal mengetepikan buktian secara formal (to dispense with formal proof) kehilangan keuntungan yang didakwanya.

[53] Berdasarkan alasan di atas dan kes-kes *Medicon Plastic Industries Sdn Bhd v. Syarikat Cosa Sdn Bhd & Another Case* [1995] 3 CLJ 171; [1995] 2 MLJ 257, *Sony Electronic (M) Sdn Bhd v. Direct Interest Sdn Bhd* [2007] 1 CLJ 611 (CA) dan *Popular Industries Ltd v. The Eastern Garment Manufacturing Co Sdn Bhd* [1990] 1 CLJ 133; [1990] 2 CLJ (Rep) 635; [1989] 3 MLJ 360, plaintif berhujah bahawa defendan tidak membuktikan kerugian ganti rugi am untuk kehilangan seperti yang dituntutkan.

Keputusan Mahkamah

[54] Setelah meneliti hujahan bertulis kedua-dua pihak, saya bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa defendan telah gagal membuktikan kehilangan keuntungan perniagaan/pendapatan atas alasan-alasan yang berikut:

(i) SD2 telah mengira kehilangan keuntungan dari operasi kuari akibat dari kejadian letupan berdasarkan kepada dua laporan kewangan yang telah ditanda sebagai D9A dan D9B. Adalah jelas bahawa dua laporan kewangan tersebut dengan sendirinya tidak mencukupi untuk membuktikan kehilangan keuntungan yang dituntut.

SD2 memberitahu mahkamah bahawa beliau mengira kehilangan keuntungan berdasarkan hasil jualan anggaran.

Saya berpendapat bahawa tuntutan defendan bagi kehilangan keuntungan yang berdasarkan hasil jualan anggaran adalah tidak boleh diterima dan hendaklah ditolak.

Saya berpendapat bahawa keterangan secara lisan oleh SD3 tidak merupakan bukti yang mencukupi. Defendan telah gagal mengemukakan buku akaun atau dokumen-dokumen sokongan di mana kedua-dua laporan kewangan bergantung.

Oleh kerana pihak defendan telah gagal membuktikan kehilangan keuntungan perniagaan/pendapatan, saya mengawardkan RM10 sebagai ganti rugi am nominal terhadap plaintif.

(b) Suatu perintah supaya plaintif menanggung ganti rugi defendan sekiranya mana-mana tuntutan yang akan dibuat oleh pihak ketiga dari kemalangan berlaku pada 19 Julai 2013.

Hujahan Defendan

[55] Pihak defendan telah membuat pindaan seperti di atas. Walaupun pihak defendan telah mengambil insuran, isu tersebut tidak ada kaitan dengan tuntutan pihak ketiga di sini kerana jumlah tuntutan-tuntutan akan melebihi jumlah polisi insuran kerana ia melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda dan kehilangan pendapatan kerana kilang-kilang berdekatan tersebut telah berhenti operasi buat seketika. SP1 juga turut mengakui dan mempunyai pengetahuan penuh mengenai segala kehilangan nyawa, kerosakan-kerosakan harta benda akibat kejadian letupan batu pada 19 Julai 2013 tersebut. Dan menurut kl. 2.3.4 perjanjian kuari 1 April 2010 (P1) ia adalah menjadi tanggungjawab plaintif untuk membayar terus terhadap tuntutan-tuntutan pihak ketiga tersebut.

[56] Defendan telah mengemukakan surat-surat tuntutan dari pihak ketiga kepada defendan (Ikatan A2 di ms. 26-34: ditandakan sebagai D15A, di ms. 35-39 ditandakan sebagai D15B, di ms. 40-43 ditandakan sebagai D15C, di ms. 44 ditandakan sebagai D15D, di ms. 45-46 ditandakan sebagai D15E,

di ms. 47-48 ditandakan sebagai D15F, di ms. 49-50 ditandakan sebagai D15H, di ms. 53 ditandakan sebagai D15I, di ms. 54-57 ditandakan sebagai D15J dan di ms. 60 ditandakan sebagai D15L).

[57] Keterangan SD3, di soalan 25 penyata saksi (WSD3) menerangkan bahawa:

> Jumlah tuntutan yang dibuat oleh pihak ketiga tersebut akan melebihi jumlah RM1,000,000 memandangkan ia melibatkan pelbagai tuntutan bagi kehilangan nyawa, kecederaan, kerosakan harta benda, kerugian perniagaan akibat penutupan perniagaan sementara waktu bagi kilang-kilang yang terlibat dan memandangkan Wak Kuari Sdn Bhd yang mengakibatkan kejadian batu terbang dan menyebabkan kerosakan berlaku, Wak Kuari Sdn Bhd sepatutnya bertanggungjawab dan membayar tuntutan-tuntutan pihak ketiga tersebut.
>
> Oleh yang demikian, pihak plaintif perlu bertanggungjawab terhadap tuntutan-tuntutan pihak ketiga tersebut.

Keputusan Mahkamah

[58] Tuntutan ini untuk perintah plaintif menanggung rugi defendan sekiranya mana-mana tuntutan yang akan dibuat oleh pihak-pihak ketiga dari kemalangan yang berlaku pada 19 Julai 2013 adalah pra masa (premature) dan tidak dibenarkan.

Ganti rugi Khas:

(a) Kos perlantikan perunding kuari KF Lee Mining Consultant & Surveyor RM20,000

(b) Kos perlantikan perunding letupan Orica-CCM Energy System Sdn Bhd berjumlah RM120,000

Hujahan Defendan

[59] Defendan terpaksa membuat permohonan baru kepada pihak berkuasa untuk kebenaran/lesen melakukan kerja-kerja kuari dan kos melantik kontraktor baru namun defendan tidak dapat meneruskan kerana pihak Mados Sdn Bhd telah mengeluarkan notis bertarikh 29 April 2014 (D13) dan mengarahkan supaya menamatkan operasi, pengurusan dan penyeliaan dan menyerah semula milikan pajakan Lunchu Kuari dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis.

[60] Perlantikan perunding kuari, KF Lee Mining Consultant & Surveyor untuk melakukan kerja siasatan tapak dan menyiapkan penyata repot bagi cadangan letupan batu terkawal untuk kelulusan dari Jabatan Mineral Dan Geosains Johor (di ms. 58-59, Ikatan A2: Ditandakan sebagai D15K) dan kerja-kerja berkaitan lain, kos ditanggung defendan adalah RM20,000 yang mana sejumlah RM15,000 telah dibayar (di ms. 12 dan 13, Ikatan A6: ditandakan sebagai D17).

[61] Perlantikan perunding letupan, Orica-CCM Energy System Sdn Bhd RM120,000 merupakan perlantikan perunding letupan, tidak sempat diteruskan dan tiada pembayaran dibuat.

Keputusan Mahkamah

[62] Pihak defendan tidak menuntut kos perlantikan Orica-CCM Energy System Sdn Bhd berjumlah RM120,000 atas alasan perlantikan telah dibatalkan dan tidak diteruskan dan tiada pembayaran dibuat manakala pihak plaintif masih menuntut RM15,000 sebagai kos perlantikan perunding kuari KF Lee Mining Consultant & Surveyor yang kononnya telah dibayar berdasarkan resit yang telah dikeluarkan di ms. 12 dan 13 Ikatan A6 yang ditanda sebagai D17.

[63] Saya telah meneliti resit D17 tersebut dan mendapati ia adalah 'payment voucher' yang dikeluarkan oleh defendan sendiri dan bukan resit yang dikeluarkan oleh perunding kuari KF Lee Consultant & Surveyor.

[64] Saya berpendapat bahawa 'payment voucher' itu tanpa disokong oleh bukti yang lain tidak dapat diterima oleh mahkamah sebagai kos perlantikan yang telah dibayar oleh defendan. Apa yang patut dikemukakan oleh defendan sebagai bukti pembayaran adalah resit asal yang dikeluarkan oleh perunding kuari KF Lee Consultant & Surveyor atau saksi dari syarikat itu tampil ke hadapan untuk memberi keterangan bahawa pembayaran itu sebenarnya telah dilakukan oleh defendan.

[65] Berdasarkan sebab-sebab yang diberi di atas saya menolak tuntutan balasan di prayer 16(a) dan (b).

(c) Bayaran bulanan kepada Mados Sdn Bhd, penyewa kuari sebanyak RM100,000 dari 19 Julai 2013 dan masih berterusan.

[66] Pihak defendan telah memberi keterangan pembayaran tersebut melalui saksi SD3 dengan mengemukakan enam baucer bayaran bagi bulan Julai 2013 sehingga bulan Disember 2013 yang berjumlah RM600,000 (eks. D18 – D23 ms. 1-24 Ikatan A2).

Keputusan Mahkamah

[67] Tuntutan pembayaran bulanan kepada Mados Sdn Bhd, penyelia kuari berjumlah RM600,000 ditolak atas alasan-alasan berikut:

(i) perjanjian serahhak 'assignment' yang ditandatangani di antara Mados Sdn Bhd dan defendan untuk membuktikan bayaran sewa tersebut diwajibkan bila berlaku kemalangan letupan di Lunchu Kuari tidak dikemukakan sebagai bukti;

(ii) keenam-enam ekshibit yang dikemukakan iaitu D18-D23 bukan resit yang dikeluarkan oleh Mados Sdn Bhd tetapi adalah payment voucher yang dikeluarkan oleh defendan sendiri;

(iii) tiada saksi dari Mados Sdn Bhd dipanggil untuk membuktikan bayaran tersebut.

(d) Gaji Pekerja

[68] Pihak defendan telah menuntut gaji pekerja-pekerja untuk sepuluh bulan berjumlah RM418,848.27 yang kononnya telah dibayar oleh defendan berdasarkan sepuluh penyata bayaran gaji pekerja bagi bulan Julai 2013 (D25A), bulan Ogos 2013 (D25B), bulan September 2013 (D25C), bulan Oktober 2013 (D25D), bulan November 2013 (D25E), bulan Disember 2013 (D25F), bulan Januari 2014 (D25G), bulan Februari 2014 (D25H), bulan Mac 2014 (D25I), bulan April 2014 (D24) yang dikeluarkan oleh defendan sendiri. Defendan berhujah bahawa pihak syarikat defendan terpaksa membayar gaji pekerja-pekerja tersebut sepanjang kuari tidak boleh beroperasi dan pekerja-pekerja tidak bekerja dan terpaksa tunggu di kuari selepas kemalangan pada 19 Julai 2013.

Keputusan Mahkamah

[69] Saya menolak tuntutan untuk gaji pekerja berjumlah RM418,848.27 atas alasan-alasan berikut:

(i) saya berpendapat bahawa pihak defendan tidak boleh membuktikan tuntutan pembayaran gaji pekerja dengan bergantung kepada sepuluh penyata pembayaran gaji staf/pekerja semata-mata;

(ii) penyata pembayaran gaji staf/pekerja yang dikemukakan tidak merupakan satu dokumen yang bebas kerana ia dikeluarkan oleh syarikat defendan sendiri. Dokumen-dokumen tersebut sekurang-kurangnya hendaklah disokong oleh dokumen-dokumen bebas seperti penyata bank atau slip gaji yang membuktikan bayaran gaji telah dibuat oleh pihak defendan;

(iii) Pihak defendan sepatutnya kemukakan surat perlantikan untuk menunjukkan bahawa pekerja-pekerja yang disenaraikan dalam penyata-penyata gaji staf/pekerja adalah pekerja-pekerja defendan di kuari atau memanggil pekerja-pekerja untuk memberi keterangan di mahkamah bahawa mereka telah dilantik oleh pihak defendan dan dibayar gaji selepas kemalangan tersebut; dan

(iv) Keterangan telah menunjukkan syarikat defendan terlibat dalam perniagaan 'building material', construction dan perniagaan kuari. Oleh itu pihak defendan hendaklah kemukakan keterangan untuk membuktikan bahawa pekerja-pekerja tersebut terpaksa tunggu di kuari selepas kemalangan letupan pada 19 Julai 2013 dan tidak diarahkan untuk bekerja di sektor 'building material' dan 'construction' syarikat plaintif.

[70] Keputusan:

(i) tuntutan plaintif sebanyak RM1,219,610.08 dibenarkan;

(ii) tuntutan balas defendan terhadap liabiliti dibenarkan;

(iii) tuntutan balas defendan bagi ganti rugi khas ditolak;

(iv) tuntutan balas defendan bagi ganti rugi am sebanyak RM10 dibenarkan terhadap plaintif;

(v) tuntutan balas defendan bagi tuntutan terhadap pampasan dan ganti rugi oleh pihak-pihak ketiga ditolak; dan

(vi) faedah pada kadar 5% setahun atas jumlah penghakiman sehingga tarikh penyelesaian dibenarkan dan tiada perintah mengenai kos.